

Hasil pembentangan SALBPM diterbit dalam talian

BERITA HARIAN 9/2/2018 p-62

[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]



Abang Sallehuddin (kanan) melihat buku program bersama Presiden Pertubuhan Peradaban Melayu Malaysia Kelantan (PERADABAN), Datuk A Aziz Deraman (tengah) dan Abdul Mua'ti@Zamri pada seminar SALBPM Ke-10 di Kota Bharu.

Kota Bharu: Hasil pembentangan pada Seminar Antarabangsa Lingusitik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke-10 (SALBPM 10) di sini, bakal diterbitkan dalam bentuk jurnal dalam talian.

Pengerusinya, Prof Madya Dr Adi Yasran yang juga Pensyarah Linguistik dan Tulisan Jawi, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, seminar bertemakan Bahasa Melayu Warisan Budaya Bangsa itu bertujuan mengumpulkan hasil penyelidikan dan penulisan ilmuwan meliputi pelbagai disiplin ilmu dalam Bahasa Melayu.

"Pembentangan yang membentangkan kertas kerja dalam SALBPM 10 bukan saja di kalangan ilmuwan dalam bidang bahasa dan sastera, bahkan pelbagai disiplin ilmu.

"Mereka termasuk berkepakan dalam bidang kejuruteraan dan teknologi maklumat tetapi bersandarkan satu misi, iaitu memartabatkan sastera Melayu.

"Kita mengharapkan banyak masukan baharu yang dapat dimanfaatkan untuk bidang bahasa selari dengan situasi semasa, iaitu arus dunia tanpa sempadan yang

membabitkan komuniti pintar dan menggunakan gajet untuk menyebarkan maklumat," katanya kepada pemberita selepas SALBPM.

Adi Yasran yang juga Pensyarah Linguistik dan Tulisan Jawi, Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, seminar bertemakan Bahasa Melayu Warisan Budaya Bangsa itu bertujuan mengumpulkan hasil penyelidikan dan penulisan ilmuwan meliputi pelbagai disiplin ilmu dalam Bahasa Melayu.

Beliau berkata, ini kali pertama Kelantan dipilih menjadi lokasi pertemuan ilmuwan dan cendekian atas dasar majoriti rakyat negeri yang terkenal dengan jolokan Serambi Makkah itu masih menggunakan Bahasa Melayu dialek Kelantan termasuk mengekalkan warisan budaya dari segi tulisan jawi.

"Kelantan juga negeri pertama mewajibkan tulisan Jawi di papan

iklan pada 2009 pada saat ramai yang beranggapan tulisan Jawi sudah merosot penggunaannya.

"Di Kelantan juga wujudnya majalah Pengasuh diterbitkan sejak lama yang tahun ini menyambut kelahirannya ke-100, malah masih bertahan sehingga kini," katanya.

Dihadiri 300 peserta

Seminar dua hari anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu, dihadiri kira-kira 300 peserta seluruh negara dan mengumpulkan 158 kertas kerja yang dibentangkan termasuk wakil negara se-rantau, iaitu Indonesia, Thailand dan Brunei Darussalam.

SALBPM 10 dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) DBP, Datuk Abang Sallehuddin Abang Shokeran, manakala ucaptama disampaikan Dekan FBMK UPM, Prof Dr Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad dengan tajuk Komunikasi Warisan Mengungkapkan Warisan Bangsa.